

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG
KAWASAN : WANGSA MAJU
TARIKH : 11.11.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 38

YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tentang perkembangan TPPA. Adakah perkara ini diteruskan atau tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Rundingan Perjanjian Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Partnership Agreement – TPPA*) bermula pada Mac 2010. Malaysia menjadi anggota TPPA ke-9 pada Oktober 2010. Pada masa ini 12 negara terlibat di dalam rundingan ini.

Skop perjanjian ini begitu luas serta kompleks, di mana ia meliputi 29 bab dan sedang dirundingkan di dalam 21 Kumpulan Kerja seperti akses pasaran, hak harta intelek, alam sekitar, buruh, perolehan kerajaan, pelaburan dan lain-lain. Rundingan TPPA telah berterusan selama lebih daripada 4 tahun. Walau bagaimanapun kesemua negara anggota TPPA masih meneruskan rundingan kerana masing-masing berpandangan bahawa TPPA akan memberi manfaat kepada semua negara anggota.